

05/7

U B822 AAB
PUNCAK - MAHATHIR
DARIPADAKUAH GUAN OO
(I)

MANILA, 15 DIS (BERNAMA) -- DEKLARASI MANILA 1987 MERUPAKAN SUATU TITIK PENTING OALAM PERKEMBANGAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN), KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI NI . .

+IA MERUPAKAN SUATU GABUNGAN PEMIKIRAN, IDEA DAN PANDANGAN, SUATU PENILAIAN TERHADAP PENCAPAIAN DAN KELEMAHAN MENGENAI ASEAN SECARA ADIL DAN JUJUR, DAN SUATU PANDUAN UNTUK PENDEKATAN YANG REALISTIK KE ARAH KERJASAMA ASEAN, + KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PENUTUPAN RASMI SIDANG KEMUNCAK ASEAN YANG KETIGA DISINI.

PEMIMPIN MALAYSIA ITU BERKATA, OEKLARASI MANILA 1987 MENEGASKAN LAGI KOMITMEN PARA PEMIMPIN ASEAN DAN MENJELASKAN SECARA TERBUKA APA YANG MEREKA MAHUKAN UNTUK MASA DEPAN ASEAN.

+IA JUGA MEMEUKTIKAN KOMITMEN YANG BERTERUSAN OLEH NEGARA-NEGARA ANGGOTA TERHADAP ASEAN, + KATANYA.

SAMEIL MENEGASKAN BAHAWA SEMEMANGNYA WAJAR TUMPUAN SIDANG KEMUNCAK DUA HARI ITU LEBIH KEPAOA KERJASAMA EKONOMI, BELIAU BERKATA, UPACARA MENANDATANGANI EMPAT PERJANJIAN DAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MENUNJUKKAN KESUNGGUHAN ASEAN DALAM MEMAJUKAN PROGRAM-PROGRAM YANG SEDANG BERJALAN DALAM KERJASAMA EKONOMI. -- LAGI
1141MST 15 12 87

U B824 AAB
PUNCAK - MAHATHIR 2 MANILA
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI SINI PADA AHAD LEPAS UNTUK BERSAMA-SAMA SULTAN HASSANAL BOLKIAH DARI BRUNEI DARUSSLAM, PRESIDEN SUHARTO DARI INDONESIA, PERDANA MENTERI LEE KUAN YEW DARI SINGAPURA, PERDANA MENTERI PREM TINSULANONDA DARI THAILAND DAN PRESIDEN CORAZON AQUINO DARI FILIPINA MENGHAOIRI SIDANG KEMUNCAK ITU YANG KALI TERAKHIR DIADAKAN DI KUALA LUMPUR, 10 TAHUN LALU.

PERDANA MENTERI MALAYSIA BERKATA, KEDUDUKAN BAIK ASEAN DI KALANGAN MASYARAKAT ANTARABANGSA MEMANG TIDAK DIRAGUKAN.

+PADA KALANGAN MASYARAKAT ANTARABANGSA, ASEAN MERUPAKAN SUATU REALITI, BAGI KITA DI DALAM RANTAU INI, IA MERUPAKAN SUATU REALITI DAN FIKIRAN, + KATANYA.

MENGENAI PERBINCANGAN-PERBINCANGAN YANG MELIPUTI + BIDANG YANG LUAS+, BELIAU BERKATA, IA ADALAH PERLU EKORAN BEBERAPA PERKEMBANGAN DALAM ARENA ANTARABANGSA BARU-BARU INI YANG +MEMPUNYAI KAITAN DENGAN KEHENDAK DAN KEBIMBANGANKITA, HARAPAN DAN IMPIAN KITA BAGI MASA DEPAN+.

+NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN TIDAK BOLEH DIASINGKAN DARIPADA PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN INI, BEGITU JUGA KITA TIDAK BOLEH MEMISAHKAN DIRI OALAM PENINGKATAN SOAL SALING BERGANTUNG ANTARASATU SAMALAIN, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG PERNAH MENYATAKAN SECARA TERBUKA, KIRA-KIRA TUJUH TAHUN LEPAS, BAHAWA ASEAN MERUPAKAN SOAL UTAMA BELIAU DALAM DASAR DAN HUBUNGAN LUARNYA. -- LAGI
1205MST 15 12 a 7

D589

u B827 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 3 MANILA RRR

(I)

BELIAU BERKATA, DENGAN MENINGKATNYA KEPENTINGAN ASIA TENGGARA DARIPADA SEGI STRATEGI DAN EKONOMI DAN PERGOLAKAN YANG BERTERUS DI INDOCHINA, RANTAU ITU PERLU MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN SERTA MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN.

+KOMITMEN ASEAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT AWAL ZOPFAN (ZONAMAN, BEBAS DAN BERKECUALI SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM DEKLARASI ASEAN DI KUALA LUMPUR PADA TAHUN 1971) PERLU DIBERITINDAKAN POSITIF, LEBIH-LEBIH LAGI APABILA KUASA-KUASA BESAR KINI TELAH TIBA PADA PERINGKAT BARU DAN POSITIF DALAM HUBUNGAN SESAMA MEREKA, +KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN PENGHARGAANNYA KEPADA PRESIDEN AQUINO DAN KERAJAAN BELIAU KERANA MENGANJURKAN PERSIDANGAN ITU. +PUAN TELAH MENUNJUKKAN KEPADA KAMI BAHAWA PRESIDEN WANITA YANG PERTAMA DI ASEAN ADALAH SEORANG YANG MEMPUNYAI KALIBER YANG HEBAT DAN MENARIK. +

SULTAN HASSANAL BOLKIAH, DARI NEGARA YANG KAYA DENGAN MINYAK DAN MENYERTAI ASEAN PADA TAHUN 1984, BERTITAH BRUNEI +SUKACITA+ UNTUK MEMAINKAN PERANAN YANG AKTIF DALAM PELANCARAN PROGRAM MENGENAI PERTUKARAN BELIA DALAM PERTUBUHAN ITU.

+KAMI GEMBIRA DENGAN PELBAGAI PERJANJIAN YANG DICAPAI PADA PERSIDANGAN BERSEJARAH INI, +TITAH BAGINDA, TERUTAMANYA MERUJUK KEPADA KERJASAMA YANG MELIPUTI SOSIAL, KEBUDAYAAN, PERKARA-PERKARA BUKAN POLITIK DAN BUKAN EKONOMI. -- LAGI.

1227MST 15 12 a7

u B829 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 4 MANILA RRR

(I)

PRESIDEN SUHARTO PULA BERKATA, BELIAU MENYAMBUUT BAIK KERJASAMA DALAM BIDANG POLITIK YANG MERUPAKAN LANGKAH KE HADAPAN DAN AGAK MENGGALAKKAN. +

+INI BOLEH DICAPAI HANYA SELEPAS KITA MAMPU MENYELARASKAN PENDIRIAN DAN PENDAPAT NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN DENGAN MENGUTAMAKAN PERKEMBANGAN POLITIK DI ASIA TENGGARA DAN KEADAAN DUNIA PADA UMUMNYA, +KATA BELIAU.

PRESIDEN SUHARTO BERKATA, MEREKA MENUMPUKAN KEPADA KERJASAMA DALAM BIDANG LAIN SELEPAS 20 TAHUN PENUBUHAN ASEAN +KERANA IA TERBUKTI MEMPUNYAI POTENSI UNTUK DIMAJUKAN LAGI. +

ENCIK LEE, DALAM UCAPANNYA YANG RINGKAS, MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEKRETARIAT DAN PARA PEGAWAI ASEAN.

+HAMPIR SATU SETENGAH TAHUN MEREKA BEKERJA UNTUK MEMBUAT PERSEDIAAN BAGI SIDANG KEMUNCAK INI, +KATANYA. -- LAGI.

1246MST 15 12 a7

U 8831 AAB
PUNCAK - MAHATHXR 5 MANILA RRR

(I)

JEN PREM TINSULANONDA, YANG MENYIFATKAN SIDANG KEMUNCAK INI SEBAGAI SUATU +PERHIMPUNAN KELUARGA+, BERKATA WALAUPUN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN DALAM DEKLARASI KELIHATAN SEDERHANA, TETAPI + IA ADALAH PRAGMATIC DAN AKAN MEMPERLUASKAN KERJASAMA ASEAN, TERUTAMA DALAM BIDANG EKONOMI.+

BELIAU BERKATA, PERTUBUHAN ITU AKAN MENERUSKAN USAHANYA MEMPENGARUHI SUASANA EKONOMI ANTARABANGSA AGAR IA OAPAT MEMBERI HASIL YANG LEBIH BAIK UNTUK KEPENTINGAN ASEAN.

KATANYA, BAGI BELIAU, UPACARA PENUTUPAN ITU MERUPAKAN SUATU PERMULAAN, +KERANA IA MERUPAKAN SUATU BAB BARU BAGI ASEAN.+

PRESIOEN AQUINO BERKATA, PARA PEMIMPIN YANG LAIN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN SEMANGAT, ASEAN+UNTUK MENGHADAPI RISIKO DAN MENUNJUKKAN PERPADUAN DENGAN FILIPINA,+SAMBIL MERUJUK KEPADA KENYATAAN ENCIK LEE SEMALAM BAHAWA BELIAU TIDAK MENGHIRAUKAN NASIHAT PENASIHAT KESELAMATANNYA SUPAYA JANGAN MENGHADIRI PERSIDANGAN DAN KENYATAAN PRESIDEN SUHARTO UNTUK MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA FILIPINA.

+TIDAK ADA CINTA YANG LEBIH MURNI, BAGI SESEORANG, SELA IN DARIPADA MENGGADAIKAN NYAWA UNTUK SEORANG SAHABAT,+KATA PUAN AQUINO, YANG TELAH MEMEGANG JAWATANNYA SEJAK 22 BULAN LALU.-- BERNAMA.

1254MST 15 12 87